



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
26 OKTOBER 2024

Gaji naik 41.66 peratus dalam dua tahun bebankan majikan

KANGAR: Kenaikan gaji minimum dalam tempoh dua tahun meningkat sebanyak 41.66 peratus sekali gus bakal memberi tekanan besar kepada majikan terutama membabitkan sektor perniagaan kecil dan sederhana yang margin keuntungannya rendah.

Meskipun kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 dijangka dilaksana pada 1 Februari 2025 hanya dilihat sebagai peningkatan sebanyak 13.33 peratus, namun jika dikira dalam tempoh dua tahun, ia membabitkan kos agar besar.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tiong Hwa negeri, Koay Chee Khoon berkata, keuntungan perniagaan tidak meningkat pada kadar yang sama dengan kenaikan gaji menjadikan kos buruh lebih tinggi semakin sukar untuk ditanggung.

Katanya, walaupun kenaikan gaji minimum pada teorinya dapat meningkatkan pendapatan pekerja, namun kesannya, negeri kecil seperti Perlis tidak sepenuhnya memberi manfaat terhadap pekerja dan perniagaan.

“Pekerja dan perniagaan kini berdepan tekanan ekonomi yang ketara akibat kenaikan gaji. Antaranya penurunan kuasa beli pekerja walaupun angka gaji meningkat, namun kos sara hidup turut naik seiring terutama membabitkan harga barang asas seperti makanan, tempat tinggal dan pengangkutan.

“Ini menyebabkan kuasa beli sebenar pekerja menurun.



KOAY CHEE KHOON

Di negeri kecil seperti Perlis, manfaat kenaikan gaji sering kali diimbangi oleh peningkatan kos sara hidup menyebabkan pekerja merasakan kualiti hidup mereka tidak meningkat dengan ketara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Tambah beliau, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan telah beberapa kali melaksanakan dasar gaji minimum dengan matlamat untuk meningkatkan pendapatan pekerja dan memperbaiki kualiti hidup mereka.

Namun, katanya, di negeri-negeri kecil seperti Perlis, kenaikan gaji minimum bukan sahaja menambah tekanan kepada operasi perniagaan tetapi juga memberi kesan yang rumit kepada kehidupan sebenar pekerja.

Justeru, beliau berharap kerajaan dapat melanjutkan tarikh pelaksanaan dasar ini sehingga 1 Januari 2026 dan pada masa sama mengambil langkah-langkah lebih proaktif dalam mempromosikan pembangunan ekonomi wilayah

dengan memanfaatkan kelebihan geografi Perlis untuk mencapai situasi menang-menang bagi ekonomi negara.

“Untuk mengurangkan tekanan terhadap perniagaan dan pekerja serta memacu pembangunan ekonomi wilayah yang mampan, kami mendorong kerajaan melanjutkan tarikh pelaksanaan kenaikan gaji minimum dari 2025 ke 1 Januari 2026.

“Ini akan memberi perniagaan lebih masa untuk menyesuaikan diri dan membuat penyesuaian yang perlu dan pada masa sama memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar pembangunan ekonomi wilayah yang lebih komprehensif,” ujarnya.

Katanya lagi, menaikkan gaji bukan satu-satunya cara untuk meningkatkan kualiti hidup pekerja sebaliknya kerajaan perlu menangani masalah asas dengan memberikan tumpuan kepada pembangunan wilayah yang lebih menyeluruh.

Jelasnya, untuk benar-benar memperbaiki keadaan ekonomi dan kehidupan pekerja seperti Perlis khususnya, kerajaan perlu melabur dalam infrastruktur dan pembangunan ekonomi jangka panjang.

“Ini akan meningkatkan daya saing perniagaan dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Di Perlis antaranya, ekonomi negeri masih terlalu bergantung kepada sektor tertentu. Kerajaan boleh membantu mempelbagaikan ekonomi tempatan dengan menyokong pertanian, pembuatan dan pelancongan,” jelasnya.

Ambil tindakan terhadap majikan culas patuh perintah gaji minimum

KEPUTUSAN menaikkan kadar gaji minimum kepada RM 1,700 dapat memastikan setiap pekerja menikmati kehidupan yang selesa, dapat menampung peningkatan kos sara hidup dan suasana ekonomi yang semakin mencabar.

Menjadi kesalahan kepada mana-mana majikan yang gagal mematuhi Perintah Gaji Minimum (PGM) ini. Seksyen 43 Akta Majlis Perundungan Gaji Negara 2011 (Akta 732) jelas menyatakan majikan yang tidak membayar gaji pokok sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah gaji minimum kepada pekerja yang melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setian pekerja.

Seksyen 44 bagi akta sama pula memperuntukkan bahawa:

- Jika seseorang majikan disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 43, majikan itu disabitkan untuk membayar perbezaan antara kadar gaji minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Gaji Minimum dengan gaji pokok yang dibayar oleh majikan kepada pekerja, termasuk perbezaan yang belum selesai dibayar.
- Bayaran lain yang terakru daripada pengiraan gaji berdasarkan gaji pokok hendaklah mengikut kadar gaji minimum sebagaimana dinyatakan dalam perintah berkenaan. Pengiraan perbezaan dan bayaran lain yang terakru di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah atau Ordinan Buruh Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Sementara jika seseorang majikan tidak mematuhi mana-mana perintah yang

dibuat di bawah Subseksyen (1), mahkamah hendaklah, atas permohonan pekerja, mengeluarkan waran untuk melevi harta majikan itu bagi perbezaan dan bayaran lain yang terakru di bawah Subseksyen (1) mengikut cara yang berikut:

- Secara distres dan penjualan harta majikan itu mengikut tatacara yang sama seperti pelaksanaan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 (P.U. (A) 328/80) dan pelaksanaan ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* (sebaik sahaja perubahan yang diperlukan telah dibuat) walaupun jumlah dalam perintah itu.
- Mengikut cara yang sama seperti suatu denda sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). Pelbagai jenis hukuman lain yang boleh diberikan terhadap majikan seperti yang termaktub di bawah Seksyen, 45, 46 dan 47 Akta Majlis Perundungan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Oleh itu, pihak majikan perlu memandang serius terhadap pelaksanaan kadar gaji minimum ini. Jika tidak, tindakan keras mengikut peruntukan undang-undang sedia ada boleh dikenakan kepada mereka.

Pekerja yang merasakan teranaya serta tidak mendapat hak yang sepatutnya selaras dengan pengumuman kadar gaji minimum ini perlu mendapatkan bantuan daripada pihak yang berkaitan selain membuat aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja dan Sekretariat Majlis Perundungan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia dengan segera.

**PROFESOR. MADYA
DR. MUZAFFAR SYAH MALLOW**
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



TINDAKAN keras mengikut peruntukan undang-undang sedia ada boleh dikenakan sekiranya majikan gagal mematuhi Perintah Kadar Gaji Minimum. - GAMBAR HIASAN

PM maklum pandangan kenaikan gaji minimum, sumbangan KWSP

Isu dibangkit pada mesyuarat, keputusan ketika penggulungan belanjawan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil maklum semua pandangan dan kebimbangan berhubung cadangan kenaikan gaji minimum serta peningkatan sumbangan wajib Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadil, berkata itu ada dibangkitkan pada mesyua-

rat Jemaah Menteri yang dipergerusikan Perdana Menteri semalam.

“Beberapa keputusan atau perngumuman yang dibuat sewaktu pembentangan Belanjawan (2025) pada 18 Oktober, Perdana Menteri sudah dimaklumkan mengenai pandangan ini.

“Sudah pasti beliau akan mengambil kira (semua pandangan serta kebimbangan) dan kita tunggu sebarang keputusan sewaktu penggulungan (belanjawan) nanti, Insya-Allah oleh pihak Kementerian Kewangan,” katanya pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri di sini, semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2025 minggu lalu, Anwar mengumumkan gaji minimum dilaiikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700, manakala pekerja asing akan diwajibkan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



Fahmi pada sidang media selepas Mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadil Hamzah/BH)

Berikutnya itu, Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Malaysia) menyuarakan kebimbangan berhubung cadangan itu.

Persatuan itu mendakwa langkah itu mungkin memberikan tekanan kewangan yang tidak mampu ditanggung oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama pada saat perniagaan kecil masih dalam proses pemuliharaan selepas pandemik.

Presiden Kebangsaan SME Malaysia, Chin Chee Seong dilaporkan berkata, walaupun usaha kerajaan meningkatkan kebaikan pekerja dihargai, pelaksanaan dasar itu tanpa sokongan tambahan bakal menggugat kelangsungan sektor PKS.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, selain SME, beberapa pandangan termasuk dari syarikat pengusaha ladang turut dibangkitkan pada mesyuarat Kabinet semalam.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Sinar Harian
Tarikh	26 Oktober 2024
Ruang	Cetusan
Muka Surat	16



Kenaikan gaji minimum



KOPITIAM
KITA
TAI ZEE HOW

Kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 membantu rakyat atau sebaliknya – rakyat sendiri dan ekonomi setempat yang terpaksa menanggung bebanan tambahan itu.

Dalam situasi ekonomi yang perlahan, kenaikan gaji minimum dianggap sebagai satu tindakan yang bensiko dan berpotensi menyekat perkembangan ekonomi. Ia telah meningkatkan kerisauan dalam kalangan pemilik kilang serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kesan langsung terhadap kos operasi dan harga pemasaran.

Isu utama termasuk peningkatan kos pengeluaran. Kenaikan gaji minimum bukan sahaja menambah beban kepada majikan dalam kenaikan kos pengeluaran, malah turut memberi kesan kepada pekerja berpengalaman yang telah lama

bekerja dan mendapat kenaikan gaji secara berperingkat hingga mencapai RM1,500 atau lebih.

Sekiranya pekerja baharu kurang berpengalaman diberikan gaji setaraf pekerja lama, maka pekerja berpengalaman pasti berasa tidak adil. Keadaan itu lazimnya akan memaksa majikan untuk gaji pekerja berpengalaman, contohnya daripada RM1,500 kepada RM1,700 dan yang asalnya RM1,700 dinilai kepada RM1,900.

Akibatnya kos operasi akan meningkat tanpa jaminan produktiviti yang setimpal. Formula asas ekonomi berkenaan dengan penambahan kos bertambah tanpa peningkatan produktiviti, maka harga produk atau perkhidmatan tersebut dinilai bagi menampung peningkatan kos tersebut.

Kenaikan gaji minimum juga boleh menyebabkan inflasi berganda. Dengan kenaikan sebanyak RM200, pekerja akan meningkatkan perbelanjaan mereka kepada barang pengguna tertentu menyebabkan permintaan bertambah. Ekonomi asas juga menyatakan permintaan yang naik dengan kadar pengeluaran kekal, bakal menyebabkan kenaikan harga produk akhir.

Pada masa sama, majikan yang menanggung kenaikan kos tanpa peningkatan produktiviti mungkin terpaksa menurunkan

naikkan harga produk dan perkhidmatan mereka untuk mengekalkan keuntungan. Akhirnya, harga barang harian meningkat, membebankan rakyat dan merangsang kenaikan kadar inflasi.

Sesetengah kilang, PKS dan perniagaan lain mungkin tidak mampu menampung kenaikan kos tersebut. Majikan yang menghadapi tekanan kos tambahan selalunya bertindak balas dengan mengurangkan jumlah pekerja atau membekukan pengambilan pekerja baru sebagai langkah penjimatkan kos.

Ja boleh meningkatkan kadar pengangur kerana syarikat-syarikat tersebut mungkin terpaksa memberhentikan pekerja atau menghentikan operasi sekiranya kos terus meningkat tanpa pendapatan setimpal. Pekerja yang kekal pula terpaksa memulih ban kerja tambahan yang boleh mengurangkan kualiti dan produktiviti keseluruhan.

Selain itu, kejayaan atau kegagalan sesebuah perniagaan sering bergantung kepada keseimbangan antara kos dan hasil yang sangat rapuh. Ramai usahawan berjaya atas kerajinan, kegigihan, pengalaman dan keberanian menghadapi risiko serta cabaran dalam perniagaan.

Dalam erti kata lain, bukan senang

mahu membina sebuah perniagaan dan mengekalkan perkembangannya.

Namun, dasar yang meningkatkan kos secara mendadak boleh menyebabkan kerugian besar dan mengakibatkan kegagalan sesebuah perniagaan dalam sekelip mata.

Sewaktu ekonomi berkembang seperti zaman 2013 hingga 2018, peningkatan gaji minimum boleh menjadi langkah positif dan memberi manfaat kepada pekerja yang tertekat dengan kos hidup. Langkah itu dilihat membantu mengekang sikap tamak majikan yang mengaut keuntungan besar sambil membayar gaji rendah.

Namun, dalam suasana ekonomi tidak menutup seperti sekarang, tindakan menaikkan gaji minimum seolah-olah membebarkan majikan dan melemahkan perniagaan.

Tindakan itu bagaikan ‘menebang pohon untuk memetik buahnya’ kerana ia berpotensi memusnahkan ekosistem ekonomi dengan lebih banyak penutupan perniagaan dan peningkatan kos kehidupan. Kerajaan harus lebih berwaspadai perihal dasar sebegini.

*Tai Zee How juga dikenali sebagai YouTuber Apak Cina, ialah seorang pegum dan pemerhati politik



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	26 Oktober 2024
Ruang	Cetusan
Muka Surat	17



PERSPEKTIF
BARJOYAI BARDAI

Gaji minimum di Malaysia: Baik atau beban?

Gaji minimum pertama kali diperkenalkan pada 2013 di bawah Akta Majlis Perundangan Upah 2011 (Akta 732) yang menetapkan kadar RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah dan Sarawak. Gaji minimum meningkat kepada RM1,000 pada tahun 2016 di Semenanjung dan RM920 di Sabah dan Sarawak. Gaji minimum dinaikkan lagi kepada RM1,200 pada tahun 2020 dan kemudiannya ditingkatkan kepada RM1,500 pada tahun 2023.

Gaji minimum bukannya gaji asas atau perluasan yang boleh digunakan semasa mengambil pekerja baharu. Ia adalah angka jumlah minimum gaji yang perlu dibayar kepada setiap pekerja yang bekerja di negara ini.

Pada masa ini, ada lebih 4.35 juta pekerja yang masih mendapat pendapatan di bawah paras gaji minimum RM1,700 ini. Sebenarnya, RM1,700 sebulan memanglah tidak mencukupi untuk hidup dengan selesa.

Kajian oleh pasukan UNICEF di tahun 2023 merumuskan bahawa gaji minimum yang diperlukan untuk hidup selesa di Malaysia ialah RM2,103. Jumlah ini diperlukan untuk hidup secara sederhana. Jadi angka RM1,700 yang dicadangkan masih jauh daripada sasaran minimum ini.

Bagaimanapun melihat sejarah perkembangannya sejak tahun 2013, gaji minimum telah naik daripada RM900 ke RM1,500 – hampir 70 peratus dalam tempoh 10 tahun. Ini adalah satu pencapaian yang besar bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia. Dalam tempoh lima tahun akan datang, kadar gaji minimum akan sampai ke tahap kadar kemiskinan negara RM2,208.

Mengapa kerajaan menentukan gaji minimum? Sistem gaji minimum diwujudkan bagi melindungi golongan pekerja supaya mereka memperoleh gaji yang sesuai dengan alam sekitar dan keperluan hidup. Pada masa yang sama, gaji minimum akan memastikan tahap minimum kehidupan dinikmati dengan matlamat untuk menghapuskan kemiskinan dalam jangka panjang.

Malaysia telah melaksanakan dasar gaji minimum sejak tahun 2013 dengan matlamat:

- Untuk memastikan pekerja memperoleh taraf hidup asas dengan membantu menyediakan pekerja dengan pendapatan yang sesuai untuk menampung perbelanjaan sara hidup asas mereka, seperti makanan, perumahan dan keperluan lain.

- Untuk menangani ketidaksaaman pendapatan dengan membantu meningkatkan pendapatan pekerja bergaji rendah, mengurangkan jurang antara pendapatan tertinggi dan terendah.

- Untuk meningkatkan penggunaan domestik dengan meningkatkan kuasa beli pekerja berpendapatan rendah, gaji minimum boleh merangsang

permintaan domestik dan pertumbuhan ekonomi. Contohnya, kenaikan RM200 gaji minimum akan membantu lebih 4.35 juta pekerja menambah pendapatan bawa pulangnya sebanyak RM10.44 bilion setahun yang akan menjadi tambahan perbelanjaan isi rumah.

- Untuk mengekalkan tenaga kerja yang produktif dan bermotivasi bagi membantu pekerja kekal sihat dan bermotivasi, meningkatkan produktiviti dan menyumbang pembangunan ekonomi negara.

- Untuk mematuhi piawaian buruh antarabangsa menyelaraskan negara dengan cadangan daripada organisasi seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk mewujudkan sistem gaji minimum.

Gaji minimum di Malaysia dijaki semula secara berkala oleh Majlis Perundangan Gaji Negara untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam mencapai objektif ini. Dasar ini bertujuan untuk mengimbangi keperluan pekerja, majikan, dan ekonomi.

Dasar gaji minimum di Malaysia mempunyai kesan yang bercampur-campur setakat ini.

Walaupun kerajaan telah menaikkan gaji minimum secara beransur-ansur kepada RM1,700 sebulan menjelang 2025, masih terdapat kebingungan bahawa tahap ini tidak cukup tinggi untuk mencapai taraf hidup yang baik, terutamanya di kawasan bandar yang lebih mahal kos sara hidupnya.

Kenaikan gaji minimum biasanya lebih menguntungkan pekerja asing kerana apabila mereka datang ke Malaysia, mereka bersedia untuk menerima apa sahaja kadar gaji yang ditentukan.

Mereka juga terus hidup dengan gaya hidup dan kos sara hidup yang sama seperti di negara asal mereka. Jadi setiap gaji tambahan akan menjadi bonus yang akan dihantar pulang ke negara asal mereka. Lebih daripada RM70 bilion diantara pulang setiap tahun ke negara asal.

Dianggarkan bagi setiap kenaikan gaji minimum RM100, sejumrah RM4 bilion akan dihantar pulang ke negara asal. Oleh itu, kenaikan gaji minimum RM200 dijangka meningkatkan kiriman wang ke negara asal sebanyak RM8 bilion. Mungkin, kali ini kita boleh mengekang kiriman wang gaji ini kerana Malaysia adalah yang pertama memperkenalkan sistem caruman KWSP kepada pekerja asing.

Pekerja asing dilihendaki mencarum 11 peratus daripada gaji pokok mereka dalam bentuk caruman pekerja kepada KWSP sebagai simpanan. Majikan juga akan dipaksa untuk mencarum 13 peratus daripada gaji kasar kasar pekerja sebagai caruman majikan.

Dalam jangka pendek, polisi gaji minimum dirasakan sangat membebankan majikan, khususnya peniaga mikro dan kecil. Perniagaan mereka belum stabil dan mereka perlu mengawal kos operasi *overhead* untuk terus berdaya maju. Gaji pekerja adalah elemen penting dalam belanja *overhead* bulanan mereka.

Dalam jangka pendek juga, apabila produktiviti tidak meningkat dengan peningkatan gaji minimum, peniaga terpaksa memindahkan kos *overheadnya* kepada pelanggan. Jadi satu-satunya jalan untuk terus beroperasi ialah dengan mengenaan gaji minimum, peniaga terpaksa memindahkan kos *overheadnya* kepada pelanggan. Ini bukan sahaja akan membebankan pelanggan mereka yang kebanyakannya daripada kumpulan berpendapatan rendah tetapi juga menyebabkan perniagaan mereka menjadi kurang berdaya maju.

Munasabah

Dasar Gaji Minimum ini telah dialu-alukan oleh majikan, yang melihatnya sebagai kompromi yang munasabah. Walaupun bagaimanapun, kesatuan pekerja berhujah bahawa gaji minimum harus ditetapkan lebih tinggi, sekitar RM2,700 sebulan, untuk benar-benar mengelurkan pekerja berpendapatan rendah daripada kemiskinan.

Pekerja percaya ke naikan gaji minimum boleh memberi kesan positif, seperti me-

ningkatkan penggunaan domestik, mengurangkan pergantungan kepada buruh asing, dan meningkatkan produktiviti pekerja. Walaupun bagaimanapun, kerajaan perlu memantau dengan teliti pelaksanaan dan impak untuk memastikan dasar ini mencapai matlamat yang dimaksudkan untuk menyokong pekerja di samping mengekalkan daya saing ekonomi.

Secara keseluruhan, dasar gaji minimum di Malaysia sedang dijalankan, dengan kerajaan mengimbangi keperluan pekerja, majikan, dan ekonomi yang lebih luas. Pelarasan lanjut dan penaltai halus mungkin diperlukan untuk menjadikan dasar ini benar-benar berkesan dalam meningkatkan kehidupan rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah.

Dasar gaji minimum di Malaysia telah menyakinkan beberapa perkembangan positif, tetapi masih terdapat bidang yang perlu diperbaiki untuk menjadikannya lebih berkesan dalam menyokong pekerja berpendapatan rendah:

- Kenaiakan gaji minimum secara beransur-ansur 65 peratus dalam tempoh 10 tahun bertujuan untuk mengimbangi keperluan pekerja dan kebingungan majikan tentang peningkatan kos perniagaan.

an. Walau bagaimanapun, sesetengah pakar berpendapat bahawa gaji minimum perlu dinaikkan dengan lebih ketara untuk memberikan pendapatan yang benar-benar mencukupi untuk menampung kos sara hidup.

- Pelarasan kos sara hidup se-rantau dengan menyambut cadangan untuk melaksanakan struktur gaji minimum berstrata yang mengambil kira kos sara hidup yang berbeza-beza di pelbagai wilayah di Malaysia.

- Pertimbangan khusus sektor dengan mempertimbangkan untuk menetapkan tahap gaji minimum yang berbeza untuk sektor tertentu, seperti pertanian dan minyak sawit, yang sangat bergantung kepada pekerja asing. Ini boleh membantu mengekalkan daya saing industri ini sambil tetap menyediakan gaji minimum yang adil. Sektor sawah padi di Malaysia misalnya menunjukkan tahap purata pendapatan yang paling rendah pada tahap RM800 sebulan. Namun petani ini tidak dilindungi oleh skim gaji minimum kerana mereka bekerja sendiri.

- Insentif cukai untuk perniagaan kecil bagi menyokong perusahaan kecil dan mikro dalam membayar gaji minimum. Kerajaan boleh menawarkan insentif cukai untuk membantu mengimbangi peningkatan kos buruh.

- Pengecualian pekerja muda remaja daripada keperluan gaji minimum, kerana mereka akan memulakan kerjaya dengan cuba memperoleh pengalaman kerja yang pasti mungkin lebih berharga untuk pembangunan kerjaya jangka panjang mereka daripada gaji permuatan yang lebih tinggi.

- Penguatkuasaan dan pemantauan diperlukan bagi memastikan dasar gaji minimum in berkesan dengan memastikan pematuhan merentas semua sektor dan wilayah. Kerajaan harus memperuntukkan sumber untuk memeriksa tempat kerja secara berkala dan menghukum sebarang pelanggaran.

- Dasar gaji minimum harus menjadi pelengkap kepada sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk menangani ketidaksaaman pendapatan dan meningkatkan taraf hidup keseluruhan rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah. Ini meliputi inisiatif seperti mengukuhkan jaringan keselamatan sosial dan melarub dalam program pembangunan kemahiran.

Kerajaan Malaysia perlu terus memperhalusi lagi dasar gaji minimum untuk menyokong pekerja dengan lebih baik, di samping mengekalkan kesimbangan dengan keperluan perniagaan dan pertimbangan ekonomi yang lebih luas.

*Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai ialah Provost dan Dekan Sekolah Siswazah, Malaysia University of Science and Technology (MUST)



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	New Straits Times
Tarikh	26 Oktober 2024
Ruang	Nation
Muka Surat	6

NEW
STRAITS TIMES
ESTABLISHED 1846

2025 BUDGET

PM mulls views on minimum wage hike, EPF contribution for foreigners

PUTRAJAYA: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has acknowledged concerns on the proposed increase in the minimum wage and mandatory Employees Provident Fund (EPF) contributions for foreigners.

Government spokesman Fahmi Fadzil said the matter was raised at yesterday's cabinet meeting chaired by the prime minister.

"Several decisions or announcements made during the tabling of the 2025 Budget on Oct 18 were brought to the prime minister's attention in light of these views. He will definitely take these views and concerns into account and we await any decision during the Finance Ministry's wrap-up, *Insha Allah*," he said at the weekly post-cabinet meeting press conference.

Fahmi also said views from plantation companies and small and medium enterprises (SMEs) were also considered.

"The prime minister is aware of all these perspectives."

Previously, the Small and Medium Enterprises Association Malaysia expressed concern about the proposed wage increase and higher mandatory EPF contributions in the 2025 Budget.

Its president, Chin Chee Seong, commended the government's focus on improving worker welfare, but warned that these measures could impose unsustain-

able financial strain on SMEs.

Chin said labour-intensive industries would be disproportionately affected compared with capital-intensive sectors. He recommended that the government gradually phase in these measures to allow SMEs sufficient time to adapt.

Fahmi said Anwar had also directed all cabinet ministers to fully support Sabah's efforts to develop the state's economy.

He said this aligns with the launch of the Sabah International Blue Economy Conference (Sibec) 2024 on Oct 19.

"The prime minister emphasised that the cabinet and government agencies must give full backing to Sabah's efforts, utilising all available resources in implementing the Sibec concept.

"Sibec encompasses marine resources, including not only fisheries but also mineral resources, and holds potential as a source for renewable energy."

Previously, Sabah Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan said the state wanted to achieve sustainable agricultural practices to maintain healthy watersheds and coastal areas.

Page 1 pic: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim being greeted by schoolchildren at the Presint 16 food court in Putrajaya before Friday prayers yesterday.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	The Star
Tarikh	26 Oktober 2024
Ruang	Leader
Muka Surat	13

EPF boon for migrant workers



FINTAN NG
fintan@thestar.com.my

WITH Budget 2025 requiring businesses to contribute to their foreign workers' retirement savings, employers will think twice before hiring cheap labour.

The move will instead hasten automation and encourage them to improve by improving workers' skills through measures such as the Progressive Wage Policy.

This initiative is a long time in coming, given Malaysia's reliance on cheap foreign labour to the detriment of locals and economic development.

It is expected that over two million non-Malaysian workers will benefit from the Employees Provident Fund (EPF) move, which fits well with the government's Madani framework that encapsulates humanistic values and good governance.

The move will hasten automation while encouraging upskilling of workers

■ EPF contributions will make Malaysia the most progressive social security system in Asean for foreign migrant workers

The International Labour Organisation (ILO) says migrant workers face multiple challenges, including social security, one of which is retirement savings.

EPF contributions will make Malaysia the most progressive social security system in Asean for foreign migrant workers.

In July, the Social Security Organisation (Socso) extended coverage to foreign migrant workers and expats. Their contribution to Socso is now the same as that of Malaysians.

Under the ILO, this is in line with Equality of Treatment (Accident Compensation).

The views of migrant workers and their advocates, however, are often not considered and this is telling in the media reports on this initiative.

Migrant workers are largely paid the minimum wage and rely on overtime, if any.

Most of what they earn is regularly repatriated, so cash flow is very important to them.

If they have to contribute to EPF, it means less cash flow as the minimum wage is low, even after it is raised to RM1,700.

Have there been discussions with them?

Only employers from industries that rely on these workers have had their say, as they can clearly see costs rising, and a cheap source of labour disappearing.

Employee and employer contributions will start at 2% for existing workers and be gradu-

ally increased to the mandatory 11% for employees and 12% to 13% for employers over six years.

The mandatory rates apply immediately to new migrant workers.

Understandably there is push-back from businesses as the new minimum wage of RM1,700 from February will be an additional strain.

Then there is the multi-tiered foreign worker levy starting next year in a move to reduce reliance on foreign migrant labour.

All these measures will make hiring foreign workers costlier. It will also encourage more local workers to take up minimum-wage jobs.

Over the medium to longer term, businesses will move up the value chain and train or retrain workers, and those with better skills will command better wages.

One impact would be the elimination of most dirty, dangerous and difficult jobs and thus, many minimum-wage level jobs.

There will be even less need for foreign workers and fewer job openings after automation for higher-skilled positions can be more or less filled by Malaysians, with any shortfall open to qualified migrant workers.

The downside to this initiative could be repatriation. According to Bank Negara's 2023 annual

report, overall outward remittances increased by 20% to RM34.2bil, in line with the post-pandemic recovery in sectors such as construction and agriculture where more foreign workers are employed. This is only the regular remittances.

What will the outflow be like when they are able to withdraw everything in their EPF accounts when they retire or when eligible to withdraw?

This may be years away but it would be interesting to know how this outflow will be managed. Will there be policy instruments to handle higher outflows as a result of foreign migrant workers withdrawing their EPF retirement savings in addition to those making the usual remittances?

Despite efforts to discourage cheap foreign labour, the country is addicted to it and this will remain an issue for a long time.

Will the EPF structure these retirement savings accounts of foreign workers like those for Malaysians, with three accounts and will the same conditions apply in terms of withdrawal?

When moving money across borders, even if the death is documented, how will the nominee process be structured?

According to the EPF, as funds under management grow, they become more difficult to manage.

For the EPF to perform better, will the government allow it to invest more abroad?

Minimum wage too low

While Anwar believes that GST should only be implemented if wages are higher, the proposal to raise minimum wages by just RM200 per month to RM1,700 was very disappointing.

First, this is well below the expected increase in civil servants' salaries and significantly lower than the 2022 Poverty Line Income of RM2,589 per month.

The slow pace of increase in minimum wages will result in the government's ability to meet the higher labour share of the economy to rise only at a modest pace.

It should have at least announced a two-tier increase in minimum wage with the first increase to RM1,700 effective next year and RM2,000 with effect from January 2026. That would have been more compelling to address Malaysia's low-wage structure and to be on course in achieving the income share of gross domestic product (GDP) to 45% set under the Madani Economy framework.